



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B dan subseksyen 51(1) Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk menyeragamkan pemberian ibra' (rebat) bagi melindungi kepentingan anggota dan memperkemas lagi aktiviti pembiayaan berlandaskan Syariah dalam sektor koperasi.

LATAR BELAKANG

2. Ibra' secara konsepnya bermaksud seseorang menggugurkan hak tuntutanya ke atas tanggungan (*zimmah*) pihak lain yang perlu dilaksanakan terhadapnya. Dalam konteks kewangan Islam, ibra' merujuk kepada rebat yang diberikan oleh satu pihak kepada satu pihak lain dalam urusan muamalat seperti jual beli dan sewaan.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI	2 / 12
------------------------	--	--------

3. Dalam erti kata lain, *ibra'* adalah suatu tindakan oleh seseorang untuk melepaskan haknya bagi mengutip bayaran hutang daripada seorang yang lain. Koperasi boleh memberi *ibra'* kepada pelanggan pembiayaan berasaskan kontrak jual beli yang melunaskan hutang mereka sebelum tempoh penyelesaian (*early settlement*) yang telah dipersetujui sebagaimana ditentukan dalam perjanjian yang dibuat oleh kedua-dua pihak. Contoh pembiayaan berasaskan kontrak jual beli adalah seperti *Murabahah* atau *Bai-Bithaman Ajil*.

4. Dalam kontrak pembiayaan berasaskan jual beli, pelanggan dikehendaki menyelesaikan harga jualan (merangkumi jumlah prinsipal dan margin keuntungan), tanpa mengambil kira sama ada kontrak tersebut berasaskan pembayaran harga bertangguh atau tunai atau *spot* (lani). Bagi pembiayaan pembayaran harga bertangguh, secara prinsipnya koperasi berhak membuat tuntutan daripada pelanggan ke atas keseluruhan baki harga jualan termasuk bahagian keuntungan bertangguh walaupun pembiayaan tersebut diselesaikan lebih awal. Dalam keadaan ini, koperasi digalakkan memberi *ibra'* kepada pelanggannya bagi kes penyelesaian awal dengan melepaskan hak tuntutan koperasi ke atas hutang yang masih mempunyai bahagian keuntungan bertangguh.

5. Pemberian *ibra'* adalah penting untuk koperasi kekal bersaing dengan penyedia perkhidmatan kewangan konvensional yang membenarkan pelanggan membayar prinsipal dan faedah terakru sehingga tarikh penyelesaian awal sahaja. Selain kes penyelesaian awal, keadaan lain yang boleh diberikan *ibra'* adalah termasuk penyelesaian hutang akibat penstrukturan semula, kes kemungkiran dan penamatan kontrak. Pendekatan sebegini juga konsisten dengan amalan dalam lanskap pembiayaan Islam negara dan meletakkan koperasi dalam kedudukan sama dengan penyedia perkhidmatan kewangan Islam lain untuk memberi perkhidmatan pembiayaan Islam kepada masyarakat yang memerlukan.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI	3 / 12
------------------------	--	--------

6. Berdasarkan pemerhatian, terdapat beberapa koperasi menggunakan budi bicara dalam pemberian ibra' dan memasukkan komitmen tersebut dalam surat tawaran dan dokumen perundangan pembiayaan. Manakala terdapat koperasi lain yang tidak langsung mengguna pakai pemberian ibra'. Amalan berbeza ini di kalangan koperasi hendaklah diseragamkan bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat umum dan dalam masa yang sama supaya lebih telus serta jelas.

BAHAGIAN B: PEMBERIAN IBRA'

KEHENDAK DASAR

7. **Koperasi dikehendaki memberi ibra' kepada semua pelanggan yang membuat penyelesaian pembiayaan sebelum tempoh akhir pembiayaan.** Penyelesaian sebelum tempoh akhir pembiayaan hendaklah sekurang-kurangnya dalam keadaan berikut:

- (a) Pelanggan yang membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuklah yang berlaku disebabkan oleh amalan prapembayaran (*prepayments*);
- (b) Penyelesaian kontrak pembiayaan asal akibat penstrukturan semula pembiayaan;
- (c) Penyelesaian dalam kes kemungkiran pelanggan; dan
- (d) Penyelesaian pelanggan bagi penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI	4 / 12
------------------------	--	--------

8. Koperasi boleh mengamalkan konsep pembiayaan pada kadar pulangan tetap atau pemberian pembiayaan kadar boleh ubah. Sekiranya koperasi mengamalkan konsep pemberian **pembiayaan kadar boleh ubah**, koperasi hendaklah memberi ibra' berdasarkan perbezaan di antara amaun keuntungan dikira berasaskan kadar keuntungan siling/berkontrak [*Ceiling/Contracted Profit Rate (CPR)*] dan amaun keuntungan berasaskan kadar keuntungan efektif [*Effective Profit Rate (EPR)*]. Ibra' hendaklah diberi sekiranya keuntungan berasaskan EPR adalah rendah daripada keuntungan berasaskan CPR.

9. Koperasi hendaklah memberi ibra' kepada:

- (a) Semua pelanggan sedia ada yang masih mempunyai kontrak pembiayaan dengan koperasi sebelum tarikh penguatkuasaan garis panduan ini; dan
- (b) Semua pelanggan baharu yang membuat kontrak pembiayaan selepas tarikh penguatkuasaan garis panduan ini.

KOMITMEN UNTUK MENYEDIAKAN IBRA'

10. Koperasi dikehendaki menyatakan satu klausa mengenai komitmen untuk menyediakan ibra' dalam surat tawaran dan dokumen perundangan lain berkaitan pembiayaan berasaskan pembiayaan berasaskan jual beli. Peruntukan mengenai ibra' hendaklah menetapkan secara minimum perkara berikut:

- (a) Situasi di mana ibra' hendaklah diberi oleh koperasi; dan
- (b) Kaedah pengiraan ibra' bagi setiap situasi, yang mana berkaitan.

11. Koperasi hendaklah memasukkan peruntukan di para 10 di atas mengenai **komitmen dan kaedah pengiraan ibra'** yang diguna pakai bagi pembiayaan baharu yang dibuat pada atau selepas tarikh penguatkuasaan garis panduan ini. Bagi kontrak pembiayaan sedia ada yang dibuat sebelum tarikh penguatkuasaan garis panduan ini,

SKM – BSP / e-REG / GP	GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI	5 / 12
------------------------	--	--------

koperasi hanya perlu memaklumkan penggunaan dan kaedah pengiraan ibra' melalui suatu notis bertulis.

12. Pelanggan hendaklah dimaklumkan mengenai **syarat dan prosedur** pemberian ibra' oleh koperasi. Bagi pembiayaan baharu yang dibuat pada atau selepas tarikh penguatkuasaan garis panduan ini, syarat dan prosedur hendaklah dimaklumkan kepada setiap penerima biaya melalui lembaran penzahiran produk. Bagi kontrak pembiayaan sedia ada yang dibuat sebelum tarikh pelaksanaan garis panduan ini, koperasi dikehendaki memaklumkan syarat dan prosedur kepada penerima biaya bersama notis pemakaian ibra'.

13. Koperasi dikehendaki memastikan penerima biaya dimaklumkan mengenai pemakaian ibra' dalam—

- (a) penyata penebusan;
- (b) dokumen lain dikeluarkan kepada penerima biaya bagi tujuan tuntutan bayaran balik (contohnya surat atau notis tuntutan); dan
- (c) penyata tuntutan bagi kes litigasi.

14. Bagi tujuan di para 13, koperasi hendaklah sekurang-kurangnya menzahirkan perkara berikut:

- (a) Komitmen untuk pemberian ibra' dalam penyata tuntutan, penyata penebusan dan dokumen lain seperti surat atau notis tuntutan; dan
- (b) Kaedah pengiraan ibra' dan syarat berkaitan pemberian ibra' dalam penyata penebusan dan dokumen lain seperti surat atau notis tuntutan.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI	6 / 12
------------------------	--	--------

PENGIRAAN IBRA'

15. Secara prinsipnya, koperasi boleh memberi ibra' sehingga jumlah amaun baki pembiayaan atau harga jualan kepada penerima biaya.

16. Walau apa pun, apabila penyelesaian pembiayaan sebelum tarikh matang dibuat, koperasi hendaklah memperoleh kembali baki kos pembelian (baki amaun **prinsipal** pembiayaan) daripada penerima biaya. Oleh itu, amaun ibra' yang boleh diberikan kepada penerima biaya adalah amaun **keuntungan belum akru** pada masa penyelesaian pembiayaan dibuat.

CAJ PENYELESAIAN AWAL

17. Koperasi tidak dibenarkan menuntut apa-apa caj penalti daripada penerima biaya yang membuat penyelesaian awal dalam tempoh masa yang ditentukan (*lock-in period*), melainkan caj bagi kos yang ditanggung oleh koperasi disebabkan penyelesaian awal penerima biaya.


18. Caj penyelesaian awal pembiayaan boleh yang dikenakan ke atas penerima biaya yang membayar balik pembiayaan secara sebahagian atau sepenuhnya dalam tempoh masa "*lock-in*", hendaklah berasaskan anggaran kos munasabah yang ditanggung oleh koperasi akibat daripada penyelesaian sebelum tarikh matang tersebut. Kos ini bolehlah termasuk:

- (a) Kos yang belum diperoleh kembali disebabkan kontrak pembiayaan mempunyai elemen diskaun pada peringkat awal tempoh pembiayaan; dan
- (b) Kos permulaan yang belum diperoleh kembali. Contohnya bagi produk pembiayaan peribadi di mana caj pemprosesan tidak dikenakan atau bagi produk pembiayaan perumahan di bawah konsep "*zero moving cost*", caj peguam diserap oleh koperasi.

19. Caj penyelesaian awal hendaklah tidak bersifat mendenda atau menghalang penerima biaya daripada bertukar-ganti (*switching*) atau menutup akaun pembiayaan. Caj sedemikian hendaklah tidak mengambil kira kos berikut:

- (a) Kerugian daripada keuntungan yang sepatutnya diperoleh sekiranya pembiayaan diteruskan sehingga akhir tempoh “*lock-in*” atau tempoh matang; dan
- (b) Kos pemasaran dan kos-kos lain berkaitan untuk mendapatkan penerima biaya baharu.

20. Rajah di bawah menunjukkan pemberian ibra' bagi penyelesaian awal oleh penerima biaya.



SKM – BSP / e-REG / GP	GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI	8 / 12
------------------------	--	--------

21. Fi dan caj yang relevan selain daripada caj penyelesaian awal, sekiranya ada, boleh dikenakan kepada penerima biaya berdasarkan kepada **GP7: Garis Panduan Pembiayaan Islam oleh Koperasi (Pindaan) 2015**.

PENZAHIRAN KETIKA MENGADAKAN KONTRAK PEMBIAYAAN

22. Koperasi dikehendaki menzahirkan kaedah pemakaian ibra' melalui ilustrasi yang disesuaikan mengikut terma pembiayaan bagi rujukan dan kefahaman yang mudah kepada penerima biaya. Ilustrasi sedemikian hendaklah sekurang-kurangnya termasuk butiran berikut:

- (a) Amaun yang perlu dibayar bagi setiap ansuran. Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, koperasi perlu menzahirkan CPR dan EPR semasa serta amaun yang perlu dibayar bagi setiap ansuran di bawah CPR dan EPR semasa;
- (b) Pembahagian prinsipal dan bayaran keuntungan setiap ansuran;
- (c) Baki prinsipal dan baki harga jualan selepas setiap ansuran; dan
- (d) Keuntungan belum akru.

23. Koperasi perlu menyediakan ilustrasi jadual bayaran daripada ansuran pertama sehingga ansuran terakhir bagi pembiayaan kadar pulangan tetap. Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, koperasi hendaklah menyediakan jadual pembayaran bagi 12 bulan ansuran sebagai panduan kepada penerima biaya. Sila rujuk **Lampiran** untuk contoh ilustrasi jadual bayaran pembiayaan kadar pulangan tetap.

24. Koperasi hendaklah memaklumkan penerima biaya bahawa ilustrasi yang disediakan hanyalah berbentuk contoh dan mengenai keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan perubahan amaun pada jadual pembayaran seperti perubahan kadar keuntungan efektif (bagi pembiayaan kadar boleh ubah), prapembayaran, bayaran separa dan ketepatan masa bayaran ansuran yang dibuat oleh pelanggan.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI	9 / 12
------------------------	--	--------

BAHAGIAN C: DASAR AM DAN PEMAKAIAN

DASAR AM DAN PENTADBIRAN

25. Koperasi dikehendaki mewujudkan dasar dalaman dan prosedur pelaksanaan ibra' yang jelas dan komprehensif. Dasar dalaman hendaklah sekurang-kurangnya termasuk perkara berikut:

- (a) Senarai kos bagi caj penyelesaian awal yang dibenarkan oleh jawatankuasa Syariah koperasi; dan
- (b) Proses dan prosedur dalam penetapan ibra' termasuk proses koordinasi di kalangan bahagian atau jabatan terlibat dalam penetapan ibra' (iaitu bahagian atau jabatan undang-undang, pemulihan (*recovery*), litigasi dan unit Syariah di koperasi).

26. Koperasi perlu menjalankan pengawasan yang efektif ke atas pelaksanaan ibra'. Jawatankuasa Syariah koperasi hendaklah berpuas hati mengenai:

- (a) dasar dalaman dan prosedur koperasi bagi setiap keadaan ibra' dan pelaksanaannya; dan
- (b) caj penyelesaian awal yang ditetapkan adalah munasabah.

27. Bagi memastikan amaun ibra' yang diberi kepada penerima biaya adalah tepat dan munasabah, koperasi hendaklah mempunyai sistem maklumat dan perekodan yang berupaya untuk:

- (a) menjana jadual pembayaran yang betul dan tepat pada masanya, surat atau notis tuntutan dan penyata penebusan bagi tujuan penyelesaian dan pemulihan (*recovery*);

SKM – BSP / e-REG / GP	GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI	10 / 12
------------------------	--	---------

- (b) mengesan kadar keuntungan efektif yang digunakan kepada setiap ansuran bagi setiap kemudahan pembiayaan (untuk pembiayaan kadar boleh ubah); dan
- (c) mengenalpasti kos ditanggung oleh koperasi bagi tujuan penetapan caj penyelesaian awal, yang munasabah.

28. Koperasi hendaklah memastikan dokumen perundangan yang lengkap disediakan dan kes litigasi dikendalikan oleh kakitangan atau penyedia khidmat luaran yang berkelayakan dan berkemahiran. Dalam hal ini, koperasi hendaklah memastikan mereka mempunyai pemahaman yang diperlukan dan secukupnya mengenai dasar serta pelaksanaan ibra'.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA


29. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

30. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai pada **1 Julai 2015**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1MALAYSIA”

“RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK LAMIEN BIN SAWIYO)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 14 Mei 2015

SKM – BSP / e-REG / GP	GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI	11 / 12
------------------------	---	---------

Lampiran

ILUSTRASI PEMBIAYAAN KADAR TETAP

Sampel ilustrasi bagi pembiayaan kadar tetap yang merangkumi jadual pembayaran yang disesuaikan dengan situasi biasa beserta pemakaian ibra' dan pengiraan amaun penyelesaian.

Harga Jualan = RM365,136

Kadar Pulangan Tetap = 9%

Tempoh Pinjaman = 180 bulan

Harga Belian = RM200,000

Ansuran = Bulanan

No.	Tarikh Bayaran	Ansuran	Pulangan	Kos Belian	Baki Harga Jualan	Baki Kos Belian	Keuntungan Belum Akru
0	30-06-2015	-	-	-	365,135.97	200,000.00	165,135.97
1	31-07-2015	2,028.53	1,500.00	528.53	363,107.44	199,471.47	163,635.97
2	31-08-2015	2,028.53	1,496.04	532.50	361,078.91	198,938.97	162,139.93
3	30-09-2015	2,028.53	1,492.04	536.49	359,050.38	198,402.48	160,647.89
4	31-10-2015	2,028.53	1,488.02	540.51	357,021.85	197,861.96	159,159.87
5	30-11-2015	2,028.53	1,483.96	544.57	354,993.32	197,317.40	157,675.91
6	31-12-2015	2,028.53	1,479.88	548.65	352,964.79	196,768.74	156,196.03
7	31-01-2016	2,028.53	1,475.77	552.77	350,936.26	196,215.98	154,720.26
48	30-06-2019	2,028.53	1,277.62	750.91	267,766.53	169,598.40	98,167.98
49	31-07-2019	2,028.53	1,271.99	756.55	265,738.00	168,841.85	96,895.99
50	31-08-2019	2,028.53	1,266.31	762.22	263,709.47	168,079.63	95,629.68
51	30-09-2019	2,028.53	1,260.60	767.94	261,680.94	167,311.70	94,369.08
52	31-10-2019	2,028.53	1,254.84	773.70	259,652.41	166,538.00	93,114.24
53	30-11-2019	2,028.53	1,249.04	779.50	257,623.88	165,758.50	91,865.20
175	31-01-2030	2,028.53	88.93	1,939.60	10,143.22	9,918.39	224.30
176	29-02-2030	2,028.53	74.39	1,954.15	8,114.69	7,964.25	149.91
177	31-03-2030	2,028.53	59.73	1,968.80	6,086.16	5,995.44	90.18
178	30-04-2030	2,028.53	44.97	1,983.57	4,057.63	4,011.88	45.21
179	31-05-2030	2,028.53	30.09	1,998.44	2,029.10	2,013.43	15.12
180	30-06-2030	2,028.53	15.10	2,013.43	0.57	0.00	0.00

SKM – BSP / e-REG / GP	GP7B: GARIS PANDUAN PEMBERIAAN IBRA' (REBAT) BAGI PEMBIAYAAN ISLAM BERASASKAN JUAL BELI	12 / 12
------------------------	---	---------

Ilustrasi Pengiraan

Penyelesaian awal pembiayaan:

Pelanggan memohon bagi membuat penyelesaian awal pada ansuran bulan ke-48.

Caj penyelesaian awal tidak dikenakan kepada pelanggan.

- (i) Keuntungan belum akru = RM98,167.98
- (ii) Baki harga jualan = RM267,766.53
- (iii) Ansuran patut dibayar pada bulan ke-48 = RM2,028.53
- (iv) Caj penyelesaian awal = RM0.00

Kaedah pengiraan:

Ibra' = Keuntungan belum akru – Caj penyelesaian awal = 98,167.98 – 0.00 = <u>98,167.98</u>
--

Jumlah Penyelesaian = Baki harga jualan + Ansuran patut dibayar – Ibra' = 267,766.53 + 2,028.53 – 98,167.98 = <u>171,627.08</u>
--